

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 20 FEBRUARI 2002
**Tajuk : UCAPAN PENUTUP MESYUARAT KETUJUH SURUHANJAYA
BERSAMA ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK INDONESIA**

YANG SAYA HORMATI TUAN YANG TERUTAMA
DR. NUR HASSAN WIRAJUDA
MENTERI LUAR NEGERI REPUBLIK INDONESIA

AHLI-AHLI DELEGASI INDONESIA DAN MALAYSIA

ASSALAMUALAIKUM WARAHMAHTULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA,

SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA RAKAN SEJAWATAN SAYA, TYT DR. NUR HASSAN WIRAJUDA, DI ATAS KERJASAMA BELIAU YANG MEMBOLEHKAN KITA MENGADAKAN PERSIDANGAN INI DENGAN JAYA.

2. SAYA BERASA GEMBIRA DAN BERSYUKUR KEPADA ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA, KITA TELAH DAPAT MEMBINCANG SEMUA ISU-ISU YANG BERBANGKIT SECARA MUAFAKAT, TERBUKA DAN TELUS (TRANSPARENT) YANG TELAH DAPAT MENGHASILKAN KATA SEPAKAT BAGI MEMPERKUKUHKAN JALINAN DAN HUBUNGAN KERJASAMA DUA HALA MALAYSIA-INDONESIA.

3. KITA JUGA BERSETUJU BAHAWA PERHUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA ADALAH SATU PERHUBUNGAN DINAMIK YANG BERTERASKAN KEPENTINGAN BERSAMA YANG BERDASARKAN KEPADA TRADISI SERTA KEBUDAYAAN YANG MEMPUNYAI BANYAK PERSAMAAN TERMASUK KEANGGOTAAN KITA DI DALAM GAGASAN ASEAN. KESEMUA INI JELAS DAPAT DIJADIKAN ASAS YANG MANTAP UNTUK MEMBAWA PERHUBUNGAN DAN KERJASAMA ANTARA KEDUA BELAH PIHAK KE ERA BARU DAN TAHAP YANG LEBIH TINGGI MERANGKUMI BIDANG-BIDANG SEPERTI ISU PEKERJA DAN PENDATANG TANPA IZIN; PERDAGANGAN DAN PELABURAN; KERJASAMA DALAM BIDANG-BIDANG PERTANIAN, PENERANGAN, KEBUDAYAAN, SAINS DAN TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR, TENAGA, KOMODITI, PENDIDIKAN, KESIHATAN, PERTANIAN, PENGANGKUTAN, KEWANGAN, PERHUTANAN DAN SEBAGAINYA. KITA JUGA TELAH MENCAPAI PERSETUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA DI DALAM BIDANG PERTUKARAN MAKLUMAT DAN INTELIJEN DALAM USAHA MEMANTAU DAN MENANGANI TERRORISMA, MILITANCYI, EXTREMISM, PERLANUNAN DAN ROMPAKAN DI LAUT. ISU-ISU INI PERLU DIBERI PERHATIAN SERIUS BAGI MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA SERTA RANTAU INI.

TUAN YANG TERUTAMA,

4. DENGAN PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN KITA MENANGANI BERBAGAI ISU DALAM RANGKA SURUHANJAYA BERSAMA INI, SAYA YAKIN PERHUBUNGAN MALAYSIA DAN INDONESIA DAPAT DIGERAKKAN DENGAN CARA YANG LEBIH BAIK DAN BERKESAN.

5. KITA JUGA BERSEPENDAPAT BAHAWA SURUHANJAYA BERSAMA ADALAH FORUM YANG EFEKTIF DAN MAMPU MENJADI PEMANGKIN UNTUK MENDOKONG USAHA KITA MENCAPAI MATLAMAT BAGI MANFAAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

6. KITA JUGA BERSETUJU TINDAKAN SUSULAN YANG BERKESAN PERLU DIAMBIL BAGI MENANGANI MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL UNTUK MENGELAKKAN KEKERUHAN DALAM HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI, KATA SEPAKAT JUGA DICAPAI SUPAYA PEGAWAI-PEGAWAI KITA MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN LEBIH KERAP DAN JUGA BERMESYUARAT ENAM BULAN LEBIH AWAL UNTUK MEMBUAT SUSULAN KEATAS KEPUTUSAN MESYUARAT INI. UNTUK MENZAHIRKAN KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN KEDUA-DUA NEGARA MENCAPAI OBJEKTIF MENGUKUHKAN HUBUNGAN KERJASAMA DUA HALA, KITA TELAH MENJADUALKAN MESYUARAT SURUHANJAYA BERSAMA DI INDONESIA PADA TAHUN HADAPAN.

7. KITA JUGA BERSEPENDAPAT BAHAWA KONSULTASI TAHUNAN ANTARA PEMIMPIN KEDUA-DUA BUAH NEGARA DAPAT MEMBANTU MELICINKAN PENYELESAIAN ISU-ISU SEMASA TANPA PERLU MENUNGGU MESYUARAT RASMI DIADAKAN. PENDEKATAN INI JUGA SECARA LANGSUNG DAPAT MENYUMBANGKAN KEPADA PENJALINAN HUBUNGAN YANG LEBIH AKRAB ANTARA KEDUA-DUA PEMIMPIN.

TUAN YANG TERUTAMA,

8. SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA TUAN YANG TERUTAMA DI ATAS SUMBANGAN YANG DIBERIKAN BAGI MENJAYAKAN MESYUARAT INI. SAYA JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AHLI DELEGASI KEDUA BELAH PIHAK SERTA PEGAWAI-PEGAWAI URUSETIA YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS BAGI MEMASTIKAN MESYUARAT KETUJUH SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-INDONESIA INI BERJALAN DENGAN LICIN DAN BAIK.

9. SEBELUM MENGAKHIRI KATA, SAYA BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA INGIN MENYAMPAIKAN RASA SIMPATI KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA KEPADA RAKYAT INDONESIA YANG MEGALAMI KESULITAN AKIBAT BANJIR BERLARUTAN YANG MELANDA BEBERAPA KAWASAN DI INDONESIA. SAYA MENDOAKAN AGAR KEADAAN AKAN SEGERA PULIH SEMULA. MELALUI TUAN YANG TERUTAMA, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN SUMBANGAN IKHLAS SEBANYAK RM 100,000 DARIPADA KERAJAAN MALAYSIA BAGI MEMBANTU MANGSA-MANGSA BANJIR DI INDONESIA.

KUALA LUMPUR
20 FEBRUARI 2002